

NO. SOALAN: 33

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah statistik terkini jumlah permohonan kes murtad bagi penganut agama Islam dan apakah langkah penyelesaian yang sudah diambil untuk menanganinya.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada penganut agama Islam termasuk saudara baru yang diluluskan murtad berdasarkan tiada permohonan untuk murtad di Mahkamah Syariah,

kecuali permohonan menentukan status agama yang dipohon oleh individu berikutan kekeliruan yang terdapat dalam sijil kelahiran atau kad pengenalan atau sijil akuan memeluk Islam. Mahkamah Syariah akan menimbang permohonan untuk pengisytiharan status agama dalam keadaan berlakunya kekeliruan semasa pendaftaran nama, terutama di negeri Sabah dan Sarawak dimana nama mereka seperti nama orang beragama Islam tetapi mereka bukan beragama Islam.

Sesungguhnya Kerajaan memandang serius terhadap gejala ke arah murtad dan sentiasa menjalankan usaha-usaha ke arah membendungnya dan mencegah penyebaran agama lain kepada umat Islam di seluruh negara. Program ini diselaraskan dan diuruskan bersama oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Antara program pencegahan khususnya di kalangan saudara muslim yang dilaksanakan ialah ziarah dan lawatan ke rumah-rumah/institusi institusi berkaitan, menjalankan aktiviti pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian, seminar dan diskusi agama. Sokongan bantuan Baitul Mal juga disediakan kepada mereka dan juga golongan kurang berkemampuan yang tergolong dalam golongan asnaf bagi meringankan tanggungan mereka.

Di samping itu, khidmat nasihat turut disediakan bagi mereka yang menghadapi masalah berkaitan hukum dan isu-isu kekeluargaan. Khidmat

nasihat dan soal jawab kemusykilan agama boleh didapati melalui internet serta media sosial, telefon atau hadir ke JAIN/Pejabat Agama Daerah atau ke pusat khidmat komuniti yang dikenali sebagai Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Pusat Pembangunan Sosial (PPS) yang ditubuhkan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.